

HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA MPI-PETRONAS 2020

KATEGORI-KATEGORI

1. TOKOH WARTAWAN NEGARA

Dikeluarkan atas nama Malaysian Press Institute, gelaran ini dianugerahi kepada individu yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam perkembangan kewartawanan tanahair. Ia bukan sahaja melalui tulisan tetapi juga tindakan mereka.

Gelaran ini adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi dari kaum wartawan Malaysia kepada individu yang berjasa dalam bidang kewartawanan Malaysia.

Pencalonan boleh dikemukakan oleh mana-mana organisasi media massa atau pertubuhan bukan kerajaan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Pencalonan hendaklah berserta latarbelakang calon dan hujah bertulis mengenai karya/tulisan, sumbangan fikiran, jasadabakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi dan pencapaian tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Wartawan Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon tokoh wartawan negara yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon tersebut.

2. TOKOH MEDIA NEGARA

Gelaran ini adalah suatu penghormatan dan penghargaan tertinggi dari kaum wartawan Malaysia kepada individu yang berjasa yang memacu kemajuan, pembangunan dan mewarnai industri media di Malaysia.

Pencalonan boleh dikemukakan oleh mana-mana organisasi media massa atau pertubuhan bukan kerajaan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Pencalonan hendaklah berserta latarbelakang calon dan hujah bertulis mengenai karya/tulisan, sumbangan fikiran, jasadabakti dan/atau kegiatan calon berkenaan. Pencalonan yang diterima perlu lengkap dengan justifikasi dan pencapaian tokoh berkenaan. Ia akan dinilai oleh sebuah panel khas yang dipengerusikan oleh Ketua Panel Hakim.

Calon Tokoh Media Negara yang tidak terpilih boleh dicalonkan semula pada masa akan datang. Bagi calon tokoh media negara yang telah meninggal dunia, pencalonan hendaklah dikemukakan tidak lebih setahun daripada tarikh kematian calon tersebut.

3. ANUGERAH KHAS JURI

Pencalonan dibuat oleh organisasi media atau pertubuhan yang ada kaitan dengan kewartawanan serta orang perseorangan. Anugerah ini sebagai mengiktiraf pencapaian luar biasa seorang wartawan semasa hayat kewartawanannya.

Anugerah ini bukan sekadar berdasarkan berita dan rencana yang dihasilkan tetapi meliputi penghasilan karya-

karya lain berkaitan kewartawanan dan penulisan seperti buku-fiksi dan bukan fiksi secara berterusan; kegiatan sebagai penceramah dalam bidang yang berkaitan dengan kewartawanan di dalam dan di luar negara; perjuangan dalam isu-isu media dan peranan dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan berkaitan media; atau berjaya mengharumkan nama kewartawanan Malaysia di peringkat serantau dan antarabangsa menerusi kegiatan kewartawanannya.

Anugerah Khas Juri ini juga boleh diberikan kepada organisasi media bagi mengiktiraf sumbangan/peranan luar biasa media dalam tahun berkenaan. Pengiktirafan itu bakal diberi atas nama Akhbar/Majalah Tahunan atau Newspaper/Magazine of the Year.

4. HADIAH KAJAI

Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang penyertaannya dalam HKM 2020 dinilai terbaik oleh Panel Hakim (Kategori Hadiah Wartawan Muda A. Samad Ismail dan Kewartawanan Foto & Esei Foto tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai penerima Hadiah Kaji).

5. HADIAH WARTAWAN MUDA A. SAMAD ISMAIL

Anugerah ini disampaikan kepada wartawan yang berusia 30 tahun dan ke bawah. Selain menghasilkan karya berita atau rencana yang dianggap menyerlah bagi tahun berkenaan, calon juga perlu menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan mempunyai potensi menjadi wartawan besar negara suatu hari nanti. Penyertaan juga dibuka pada wartawan TV / penyiaran.

6. LAPORAN BERITA CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada artikel berita yang terbaik.

7. KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada artikel yang memaparkan penyiasatan yang dianggap cemerlang.

8. PENULISAN RENCANA CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada rencana yang dianggap cemerlang.

9. PENULISAN KOLUM/RENCANA PENGARANG CEMERLANG

Anugerah ini diberikan kepada penulisan kolumnis atau dalam ruangan yang dianggap cemerlang.

10. KEWARTAWANAN ALAM SEKITAR CEMERLANG-PETRONAS

Anugerah diberi kepada artikel yang memaparkan laporan berhubung alam sekitar yang dianggap cemerlang.

11. KEWARTAWANAN MULTIMEDIA CEMERLANG

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam sesebuah portal berita atau platform media. Laporan itu boleh berbentuk berita, komentar, ulasan, kolum, dan rencana yang mengandungi elemen multimedia serta bersifat interaktif.

12. KEWARTAWANAN FOTO CEMERLANG

Foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika akan dipilih sebagai pemenang. Ia hendaklah lengkap dengan kapsyen atau keterangan gambar yang bernas.

13. ESEI FOTO CEMERLANG

Hadiah ini diberi kepada jurufoto yang telah menghasilkan penceritaan berdasarkan foto bersiri atas tema yang sama.

14. BERITA VIDEO TERBAIK

Terbuka kepada wartawan media penyiaran yang menghasilkan video berita. Tempoh video tidak seharusnya melebihi 10 minit dan tidak melebihi tiga siri. Selain nama wartawan, penyertaan yang dikemukakan hendaklah juga menyatakan bersama nama jurukamera yang menyediakan visual bagi laporan berita berkenaan. Tanpa maklumat itu, penyertaan tidak layak untuk dinilai. Penerbit tidak layak menyertai.

15. DOKUMENTARI VIDEO TERBAIK

Terbuka kepada semua wartawan media yang menghasilkan dokumentari video. Tempoh hendaklah tidak melebihi satu jam. Dokumentari yang dikemukakan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan berkenaan, bukannya penerbit program berkenaan. Ini termasuklah bukti penulisan skrip dokumentari, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan dokumentari dari mula sampai akhir. Peranan wartawan itu hendaklah ditampilkan dalam bentuk *standupper* dan menemuramah sumber. Selain nama wartawan, penyertaan yang dikemukakan hendaklah juga menyatakan bersama nama jurukamera yang membantu dalam menyediakan visual bagi dokumentari berkenaan. Tanpa maklumat itu, penyertaan tidak layak untuk dinilai. Penerbit tidak layak menyertai.

16. INFOGRAFIK TERBAIK

Anugerah ini diberi kepada artis grafik yang telah menghasilkan infografik yang secara kreatif dan inovatif mengenai sesuatu isu atau topik dan berupaya mengadunkan maklumat dan grafik untuk tatapan khalayak dalam akhbar dan majalah dalam bentuk yang menarik dan memikat.

17. DESAIN HALAMAN PERTAMA TERBAIK

Anugerah ini diberi kepada penyunting atau pereka grafik yang telah menghasilkan reka letak halaman pertama suratkhbar baik berbentuk *broadsheet* ataupun tabloid. Sekurang-kurangnya tiga contoh terbaik reka letak hendaklah dikemukakan bagi penilaian. Setiap organisasi berita hanya boleh menghantar tiga penyertaan daripada tiga orang penyunting atau pereka grafik yang berbeza.

18. LAPORAN RADIO TERBAIK

Anugerah ini terbuka kepada kalangan wartawan yang menghasilkan karya terbaik dalam sesebuah stesen radio awam atau swasta. Laporan itu boleh berbentuk berita, komentar, ulasan, kolum, rencana. Program berbentuk wawancara tidak layak menyertai kategori ini.

**HADIAH KEWARTAWANAN MALAYSIA
MPI-PETRONAS 2020**

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

Syarat Umum HKM

- 1) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang berkhidmat sebagai wartawan, jurugambar, jurukamera, pereka grafik, dan kartunis **yang bekerja sepenuh masa** dengan mana-mana organisasi media-cetak, elektronik dan media dalam talian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- 2) Stringer, wartawan sambilan, jurugambar sambilan, jurukamera sambilan, kartunis sambilan, dan pereka grafik sambilan **tidak layak menyertai** Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS ini.
- 3) Selain penyertaan langsung oleh peserta, organisasi media juga boleh mencalonkan wartawan-wartawannya yang dianggap telah menghasilkan karya kewartawanan yang cemerlang pada tahun berkenaan untuk menyertai HKM.
- 4) Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan sekali dengan bukti pembayaran dimana ahli MPI dikenakan bayaran sebanyak **RM 100.00**, manakala bukan ahli MPI dikenakan bayaran **RM 200.00**. Penyertaan dari ahli MPI yang tergantung keahlian dikenakan bayaran **RM 200.00**. [Tekan sini untuk melihat senarai keahlian MPI.](#)
- 5) Tiada had umur ditetapkan bagi HKM MPI-PETRONAS kecuali bagi **Hadiah Kewartawanan Muda A. Samad Ismail yang pesertanya hendaklah berusia 30 tahun ke bawah.**
- 6) Setiap penyertaan dalam HKM ini secara **automatik dipertimbangkan untuk Hadiah Kajai**. Ini bermakna para peserta tidak perlu menghalakan penyertaan khusus untuk Hadiah Kajai.
- 7) Bahan penyertaan hendaklah diterbitkan dalam mana-mana akhbar, majalah, portal berita atau program berita dan program hal ehwal semasa televisyen organisasi media di mana peserta itu berkhidmat bagi tahun yang dinyatakan.
- 8) Karya-karya media cetak, portal berita, atau grafik, hendaklah dikemukakan secara teratur dalam satu file PDF, disalin ke dalam satu (1) salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat. Sekiranya ada sinopsis, garis panduan, atau senarai pautan laman web; hendaklah dikemukakan dalam bentuk PDF dan bergabung bersama karya yang ingin dihantar.
- 9) Karya-karya fotografi boleh dikemukakan dalam format JPEG atau PDF, serta keratan akhbar & kapsyen didalam bentuk PDF dan disalin ke dalam satu (1) salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- 10) Karya-karya media elektronik televisyen dan video dalam talian hendaklah dalam format MP4 serta dalam resolusi 1080p atau 720p, dimuat ke dalam satu (1) salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- 11) Karya-karya media elektronik radio hendaklah dalam format MP3 dan dimuat ke dalam satu (1) salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- 12) Selain memenuhi syarat-syarat umum, penyertaan hendaklah juga mematuhi **syarat-syarat khusus** bagi setiap kategori yang disertai.
- 13) Penyertaan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarang atau wakil dengan borang yang disediakan oleh MPI.
- 14) Penyertaan untuk HKM 2020 dibuka mulai **16 November 2020** dan tarikh tutup penyertaan adalah pada **26 Februari 2021** bagi bahan-bahan yang diterbitkan/disiar sepanjang tahun 2020.

- 15) Bagi karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil, peserta hendaklah **menterjemahkan** karya mereka kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- 16) Penyertaan yang gagal mematuhi tarikh-tarikh akhir yang ditetapkan tidak layak bertanding.
- 17) Pencalonan **Anugerah Khas Juri, Tokoh Wartawan Negara dan Tokoh Media Negara** boleh dibuat oleh organisasi-organisasi media, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan berkaitan media (NGO), fakulti dan pengajian kewartawanan IPTA dan IPTS.
- 18) Bagi kategori **Berita Video Cemerlang dan Dokumentari Video Cemerlang** hanya layak disertai oleh wartawan / pengamal media siaran yang berkhidmat dengan bilik berita stesen televisyen, portal televisyen, serta video dalam talian. Kini wartawan siaran juga boleh menyertai Hadiah Wartawan Muda A.Samad Said dengan mengemukakan tiga karya video.
- 19) Setiap peserta boleh menyertai **dua kategori** tetapi karya bagi setiap kategori hendaklah karya yang **berasingan**. Contoh: karya yang dihantar untuk kategori Laporan Berita Cemerlang tidak boleh digunakan untuk kategori Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang.
- 20) Bagi setiap **satu kategori** yang disertai peserta hanya boleh menghantar **satu penyertaan** sahaja. Penyertaan maksimum dibenarkan adalah **dua penyertaan sahaja bagi dua kategori berlainan**.
- 21) **Pengecualian bagi empat kategori** iaitu Foto Cemerlang, Berita Video Terbaik, Dokumentari Video Terbaik, dan Laporan Radio Terbaik; dua penyertaan maksimum bagi empat kategori tersebut.
- 22) Jika pemenang utama lebih daripada seorang, hadiah akan diberi sama rata. Manakala bagi pemenang saguhati, hadiah akan diberi kepada penama pertama berdasarkan pada borang penyertaan.
- 23) Semua penyertaan dan dokumen yang diterima akan menjadi hak milik MPI.
- 24) Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

Syarat-syarat Khusus.

A. HADIAH WARTAWAN MUDA A. SAMAD ISMAIL.

* Kategori ini juga dibuka penyertaan kepada karyawan-karyawan dari media tv / penyiaran.

- i. Peserta untuk kategori **A. Samad Ismail** mestilah berumur **30 tahun ke bawah**
- ii. Untuk media cetak & portal berita, peserta perlu menyediakan **tiga (3) karya** berita atau rencana yang menonjolkan gaya penulisan atau karya-karya terbaik dari peserta sepanjang tahun itu.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dimuat pada **pemacu pena (pendrive) atau cakera padat**.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut tertib aturan.
- v. Setiap karya **bahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.
- vi. Untuk media penyiaran TV, peserta perlu menyediakan **3 karya** sama ada berbentuk laporan ataupun dokumentari yang menonjolkan **gaya kewartawanan penyiaran atau karya-karya terbaik** dari peserta sepanjang tahun itu. Jurukamera tidak layak menyertai kategori ini.
- vii. Peserta dari media penyiaran TV hendaklah merujuk Syarat Khusus Berita Video/Dokumentari/Rencana terbaik di muka surat 9 & 10 untuk mengetahui syarat-syarat lebih lanjut.

B. LAPORAN BERITA CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Laporan Berita Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya berita** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam akhbar, majalah atau portal berita.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang disalin pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya **bahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.

C. KEWARTAWANAN PENYIASATAN CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Kewartawanan Penyiasatan Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya penyiasatan** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta bagi tahun berkenaan.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam akhbar, majalah atau portal berita.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.

D. PENULISAN RENCANA CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Penulisan Rencana Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya rencana** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam akhbar, majalah atau portal berita.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.

E. PENULISAN KOLUM/RUANGAN CEMERLANG

- i. Bagi kategori **Penulisan Kolum/Ruangan**, peserta perlu menyediakan **3 karya** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam akhbar, majalah atau portal berita.
- iii. Penyertaan ini hanya terbuka kepada kalangan yang mempunyai kolum atau ruangan tetap berkala – mingguan bagi akhbar dan bulanan bagi majalah sekiranya ia diterbitkan sebulan sekali.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- v. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.

F. KEWARTAWANAN ALAM SEKITAR CEMERLANG-PETRONAS

- i. Bagi kategori **Kewartawanan Alam Sekitar Cemerlang-PETRONAS**, peserta perlu menyediakan **3 karya alam sekitar** yang menonjolkan **gaya penulisan atau karya-karya terbaik** dari peserta.
- ii. Kategori ini hanya terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam akhbar, majalah atau portal berita.
- iii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
- v. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.

G. KEWARTAWANAN MULTIMEDIA CEMERLANG **(DAHULU DIKENALI SEBAGAI LAPORAN PORTAL BERITA TERBAIK)*

- i. Bagi kategori **Kewartawanan Multimedia Cemerlang**, peserta perlu menyediakan **3 karya** laporan berita, komentar, ulasan, kolum, dan/atau rencana yang menonjolkan karya-karya yang menentanghkan **3 kriteria wajib** iaitu :
 - Karya asli terbaik yang **hanya khas diterbit dalam portal berita** sahaja.

- **Multimedia** : Teks, audio, video, foto, grafik, dan/atau visualisasi data.
 - **Bersifat interaktif** : Rekaan berinteraktif, komen, 'Like', 'Share', dan/atau reaksi pembaca.
- ii. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
 - iii. Jika karya itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
 - iv. Setiap karya bahasa **Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim dan perlu dikemukakan dalam format PDF.
 - v. Peserta boleh juga kemukakan dalam satu fail dokumen (PDF) yang berisi alamat pautan / laman web bagi setiap artikel yang diterbitkan.

H. KEWARTAWANAN FOTO CEMERLANG

- i. Peserta dibolehkan menghantar **dua (2) karya**. (satu borang penyertaan bagi satu karya).
- ii. Karya foto hendaklah dimuat ke dalam satu salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iii. Hendaklah dimuatkan sekali **keterangan gambar** (*caption*) dan **salinan akhbar** (*pdf*).

I. ESEI FOTO CEMERLANG

- i. Peserta hanya boleh mengemukakan **satu (1) penyertaan**.
- ii. Karya-karya foto hendaklah dimuat ke dalam satu salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iii. Penceritaan esei foto ini hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya **lima(5) gambar bersiri** dan **had bilangan maksima gambar bersiri adalah dua puluh lima(25)**.
- iv. Hendaklah dimuatkan sekali **keterangan gambar** (*caption*) dan **salinan akhbar** (*pdf*).

J. BERITA VIDEO TERBAIK

- i. Laporan berita hendaklah tidak melebihi **tiga siri** dan durasi keseluruhan laporan itu pula **tidak melebihi lima belas (15) minit**.
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Nama jurukamera yang merakam dan menyediakan visual hendaklah dinyatakan sekali sewaktu penyertaan dikemukakan. Penerbit tidak layak menyertai.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan pada satu salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- v. Untuk bahan berita dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu diletakkan sekali **sarikata** dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- vi. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhadap pada **dua bahan sahaja**.

K. DOKUMENTARI VIDEO TERBAIK

- i. Durasi/tempoh karya dokumentari/rencana TV, **tidak melebihi 60 minit.**
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Nama jurukamera yang merakam dan menyediakan visual bagi dokumentari berkenaan hendaklah dinyatakan pada borang penyertaan. Penerbit tidak layak menyertai.
- iv. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan pada satu salinan pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- v. Untuk bahan dokumentari dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu diletakkan sekali **sarikata** dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- vi. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhad pada **dua penyertaan sahaja.**

L. INFOGRAFIK TERBAIK

- i. Bagi kategori **Infografik Terbaik**, peserta individu atau berkumpulan hanya boleh menghantar maksimum **satu (1) penyertaan sahaja.** Peserta perlu menyediakan hanya **satu (1) karya** yang menonjolkan gambaran maklumat dalam format grafik yang direka untuk mudah difahami.
- ii. Karya hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iii. Setiap karya yang **berbahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- iv. Terjemahan karya yang **berbahasa Tamil** atau **Cina** juga perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

M. DESAIN HALAMAN PERTAMA TERBAIK

- i. Bagi kategori **Desain Halaman Pertama Terbaik**, peserta perlu menyediakan **tiga (3) rekaan** yang menonjolkan reka letak halaman pertama yang tersusun serta berjaya menarik perhatian. **Terhad untuk suratkhbar sahaja.**
- ii. Halaman mukasurat pertama sisipan atau suplemen tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Karya hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Setiap karya yang **berbahasa Cina atau Tamil** wajib disertai dengan **terjemahan** sendiri sama ada dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- v. Terjemahan karya yang **berbahasa Tamil** atau **Cina** juga perlu dikemukakan dalam format PDF yang dimuat pada cakera padat.

N. LAPORAN RADIO TERBAIK

- i. Durasi/tempoh karya radio iaitu berita, komentar, ulasan, kolum, rencana dan wawancara, hendaklah **sekurang-kurangnya 5 minit, tetapi tidak melebihi 60 minit.**
- ii. Program ehwal semasa berformat bualbicara tidak layak untuk menyertai kategori ini.
- iii. Karya hendaklah dimuat pada pemacu pena (pendrive) atau cakera padat.
- iv. Untuk karya dalam **bahasa Tamil** atau **bahasa Cina**, perlu dimuatkan sekali **skrip** dalam **bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
- v. Penyertaan maksimum bagi seorang peserta atau satu kumpulan yang dibenarkan terhad pada **dua karya sahaja.**